

AKTA KEBANKRAPAN (PINDAAN) 2017

[AKTA A1534]

(Sesi soal jawab Sidang Dewan Rakyat, 4 Ogos 2020)

Akta Kebankrapan (Pindaan) 2017 (A1534) telah memperkenalkan satu peruntukan yang baharu di bawah Seksyen 33C iaitu **Pelepasan Automatik di mana tempoh kebankrapan ditadbir selama 3 tahun daripada tarikh pemfailan Pernyataan Hal Ehwal oleh bankrap** dengan mengambil kira amalan terbaik antarabangsa bagi melayakkan bankrap dilepaskan secara automatik. Bankrap dalam memohon Pelepasan Automatik ini hendaklah mematuhi syarat-syarat yang telah digariskan dalam Akta Insolvensi 1967 [Akta 360].

Pindaan tersebut dapat membantu dan memudahkan bankrap untuk memahami dan mematuhi arahan yang telah ditetapkan berdasarkan undang-undang yang ditetapkan. Kunci utama seorang bankrap agar status kebankrapan tidak berkekalan sepanjang hayat ialah memahami, memberi kerjasama yang penuh dan mematuhi arahan Jabatan Insolvensi Malaysia (Mdl).



Dato' Takiyuddin bin Haji Hassan
Menteri di Jabatan Perdana Menteri
(Parlimen dan Undang-Undang)



Takiyuddin Haji Hassan @takiyuddin61 @takiyuddin.hassan

#myLaw | #JPM | #Parlimenmalaysia | #Kitajagakita